



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(93)
Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh : 10.10.2019

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL SIRI 2/2019

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN :** PEGAWAI TADBIR GRED N41
- (b) **PENEMPATAN:** FRIM PCS (Perkhidmatan Persijilan Produk)
- (c) **TARAF
JAWATAN :** KONTRAK
- (d) **JADUAL GAJI :** RM 2,080.00 (Minimum) – RM 9,546.00 (Maksimum)
- (e) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN :** RM 225.00
- (f) **IMBUHAN**
 - (i) Tetap Khidmat Awam : RM300.00
 - (ii) Tetap Perumahan : RM300.00
 - (iii) Bantuan Sara Hidup : RM300.00
- (g) **SYARAT LANTIKAN :**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

 - (i) Warganegara Malaysia;
 - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (iii) Memiliki kelayakan berikut:
 - (a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perhubungan Awam / Pemasaran / Pentadbiran Perniagaan atau berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2080.00);
 - (b) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perhubungan Awam / Pemasaran / Pentadbiran Perniagaan atau berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2283.43);

(h) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(i) SYARAT TAMBAHAN

- (i) Calon haruslah mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman bekerja dalam bidang pemasaran / penjualan;
- (ii) Mempunyai kemampuan dalam membuat kajian pasaran, pengurusan, kewangan, statistik dan ekonomi;
- (iii) Cemerlang bekerja secara berkumpulan, berdedikasi, berintegriti, mempunyai jati diri dan disiplin diri yang tinggi serta berorientasikan penghasilan kerja secara sistematik.
- (iv) Berkemampuan bekerja tanpa pengawasan yang rapi daripada pihak pengurusan atasan dan tahan tekanan.
- (v) Berpengalaman dalam merancang, menyediakan dan melaksanakan pelan strategi, menepati tarikh akhir dan mencapai sasaran KPI yang ditetapkan.
- (vi) Fasih berbahasa Melayu, Inggeris dan Mandarin, kebolehan dalam Bahasa lain adalah satu kelebihan serta mahir dalam penulisan sekurang-kurangnya dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

(j) KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN:

- (i) Kemahiran mendapatkan jualan (*closing skill*).
- (ii) Kemahiran mengenalpasti prospek.
- (iii) Kemahiran dalam melatih personal.
- (iv) Kemahiran membuat pembentangan.
- (v) Bermotivasi untuk membuat jualan dan pemasaran.
- (vi) Perancangan jualan dan pemasaran.
- (vii) Berpengetahuan dengan pasaran semasa.
- (viii) Profesional.
- (ix) Cara berkomunikasi yang baik dan menyakinkan.
- (x) Pro aktif dan bertenaga.
- (xi) Boleh mencapai sasaran jualan dalam jangkamasa yang ditetapkan.

(k) TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB::

- (i) Memahami misi, visi dan objektif FRIM PCS dan sentiasa membuat penambahbaikan bagi meningkat prestasi FRIM PCS.
- (ii) Menenalpasti prospek yang berpotensi untuk menjadi pelanggan FRIM PCS melalui maklumat pelanggan berkaitan promosi produk oleh pesaing, maklumat dari bahan penerbitan industri, lawatan ke laman sesawang industri dan menghadiri konvensyen, simposium, persidangan serta pameran perdagangan.

- (iii) Mengenalpasti dan membuat cadangan perniagaan kepada rakan kongsi yang berpotensi yang boleh memberikan keuntungan kepada kedua-dua pihak.
- (iv) Memastikan setiap aktiviti yang dianjurkan oleh syarikat mendapat sambutan.
- (v) Merancang aktiviti promosi syarikat untuk menarik minat pihak yang berkepentingan untuk mendapatkan pensijilan produk FRIM PCS.
- (vi) Mengenalpasti dan mendapatkan peluang perniagaan yang berkaitan dengan pensijilan FRIM PCS.
- (vii) Bekerjasama dengan rakan setugas/kontraktor dalam membangunkan sebarang aktiviti pengiklanan, promosi, media sosial dan perhubungan awam, jika diperlukan.
- (viii) Membangunkan bahan-bahan jualan *sell sheets, brochures, catalogs dan order forms*.
- (ix) Mengekalkan reputasi FRIM PCS dan hubungan *networking* dengan pemegang taruh dan pihak-pihak yang berkepentingan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<https://www.frim.gov.my/career-opportunities/>) akan diproses. Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gaji semasa dan gaji yang dipohon, gambar berukuran passport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 01 November 2019 (Jumaat)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.